

26 SEP 2001

Pakej

KOH SAMBUT BAIK PAKEJ RANGSANGAN

PULAU PINANG, 26 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini menyambut baik pakej rangsangan bernilai RM4.3 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mengurangkan impak kemelesetan ekonomi dunia ke atas negara.

Katanya ia jelas membuktikan kesungguhan Perdana Menteri untuk menjana ekonomi negara dan mewujudkan peluang perniagaan di kalangan rakyat bagi menghadapi kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

"Saya khususnya menyambut baik peruntukan bagi menyediakan makmal komputer di 2,000 buah sekolah, melatih pekerja yang diberhentikan dan kusrus teknologi maklumat untuk pemegang ijazah dan diploma," katanya yang menyifatkan pakej itu sebagai bijak dan tepat.

Koh berkata langkah-langkah ini mendatangkan kesan positif jangka panjang dalam meningkatkan teknologi, kemahiran dan produktiviti di kalangan tenaga kerja tempatan bagi mengekal dan meningkatkan saingan di pasaran global.

"Saya yakin bahawa langkah-langkah bagi merangsang pertumbuhan di kalangan sektor swasta akan memberi tumpuan kepada meningkatkan persaingan industri kecil dan sederhana dalam sektor pembuatan dan perniagaan secara amnya," kata Koh.

Beliau berkata menerusi pakej promosi pelancongan, Malaysia mampu menangani impak negatif dan menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia serta menggalakkan pelancongan domestik.

Kerajaan Pulau Pinang akan memberi sokongan dan kerjasama bagi menjayakan pakej rangsangan itu, katanya.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata Melaka turut mengharapkan peruntukan bagi membantu sektor pelancongannya daripada jumlah RM110 juta yang diumumkan semalam bagi sektor pelancongan negara.

"Kita akan hantar pegawai ke Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk memastikan program membaikpulih bangunan lama di Melaka serta menjalankan promosi pelancongan mendapat peruntukan daripada kementerian berkenaan," katanya.

Bagi memastikan sektor pelancongan negeri terus berkembang, beliau berkata kerajaan negeri akan terus mengadakan promosi pelancongan di rantau ini seperti Sumatera, Thailand dan Singapura.

Beliau berkata kerajaan negeri juga menyambut baik peruntukan RM80 juta bagi menggandakan kadar semasa pembayaran kebajikan kepada keluarga miskin.

Rangsangan itu turut membantu kerajaan negeri untuk memberikan bantuan komputer ke sekolah-sekolah dalam usaha meningkatkan lagi tahap celik komputer di kalangan generasi muda, katanya.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata Johor mengatur langkah bagi memastikan peruntukan tambahan RM4.3 bilion oleh kerajaan pusat dalam pakej itu dilaksanakan di negeri ini dalam tempoh tiga bulan ini.

Ketika bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri hari ini.

Katanya, beberapa projek yang perlu diutamakan telah dikenal pasti selaras dengan hasrat peruntukan tambahan pakej rangsangan itu untuk menjana pertumbuhan positif berterusan ekonomi negara.

Abdul Ghani berkata antara tumpuan semasa Johor ialah untuk melatih semula dan memberi kemahiran baru kepada kira-kira 7,000 pekerja yang dijangka diberhentikan oleh kilang-kilang di negeri ini dan sejumlah besar

lagi oleh kilang-kilang di Singapura.

"Kita sudah mulai mendaftarkan mereka yang terlibat termasuk membuka kaunter pendaftaran khas di Tambak Johor untuk pekerja yang berulang-alik ke Singapura," katanya.

Abdul Ghani berkata industri kecil dan sederhana (IKS) yang menggunakan bahan asas tempatan yang produk mereka diperlukan dengan banyak bagi menampung permintaan domestik juga akan diberikan tumpuan.

"Johor melihat IKS berperanan khusus dalam pakej ini, terutama untuk menjana aliran berterusan pertumbuhan ekonomi," katanya.

Beliau berkata Johor juga berhasrat memajukan dengan lebih serius sektor pengeluaran makanan dalam negeri untuk membantu negara mengurangkan eksport bahan makanan dan sekali gus mengurangi aliran keluar tukaran wang asing bagi import makanan.

Katanya, Johor juga mempunyai kelas-kelas tadika Kemas yang perlu diperbaiki dan dinaiktaraf melalui peruntukan pakej itu serta sebilangan besar graduan yang berpeluang mendapat manfaat daripada latihan dalam bidang teknologi maklumat (IT), matematik dan bahasa.

Abdul Ghani berkata peruntukan tambahan RM110 juta bagi melipatgandakan penggalakan pelancongan juga akan memberi manfaat kepada Johor yang mempunyai pelbagai tarikan pelancong.

Sebagai langkah sokongan kepada usaha Kerajaan Pusat, beliau berkata Kerajaan Negeri akan berusaha mengekalkan kadar perbelanjaannya sekarang walaupun dengan sumber hasil yang terhad.

-- BERNAMA

MNY NMO